

BULETIN BTM INSTUN NOVEMBER 2024

KURSUS ETIKET DAN KETERAMPILAN IMEJ BAGI PENCERAMAH DAN PENYELARAS KURSUS INSTUN

Tajuk : Kursus Etiket dan Keterampilan Imej Bagi penceramah dan
Penyelaras Kursus INSTUN

Tarikh : 06 – 07 November 2024 (Rabu – Khamis)

Lokasi : Dewan Kuliah Utama (DKU), INSTUN

Penglibatan : 30 Orang

Ringkasan Program :

Kursus Etiket dan Keterampilan Imej Bagi Penceramah dan Penyelaras Kursus INSTUN merupakan salah satu kursus anjuran BTM yang terdapat dalam perolehan Bajet Mengurus Tahun 2024. Kursus ini dilaksanakan selama dua (2) hari, iaitu pada 06 – 07 November 2024.

Kursus ini telah melibatkan seramai 30 orang peserta melibatkan wakil semua bahagian di INSTUN. Kursus ini dilaksanakan secara bersemuka dan Penceramah jemputan adalah Puan Shahiran binti Ibrahim, Ketua Unit Psikologi daripada Politeknik Sultan Azlan Shah.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan tentang etiket sosial dan profesional, melatih peserta untuk mengendalikan situasi formal dan informal, menggunakan bahasa tubuh, nada suara dan komunikasi lisan yang berkesan.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah, wakil peserta serta barisan urus setia dari Bahagian Teknologi Maklumat.

Gambar :





